

21 APR 2003

Tajol-Pilihan raya (Bergambar)

BN PERAK SEDIA HADAPI PILIHAN RAYA KECIL

SUNGAI SIPUT, 21 April (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Negeri Perak bersedia menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lintang jika Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mahu mengadakannya berikutan kematian Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lintang, Datuk Mohamad Padil Harun

Menteri Besar yang juga Pengerusi BN negeri Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata BN negeri sudah bersedia menghadapi pilihan raya umum akan datang dan jika pilihan raya kecil diadakan, BN tidak menghadapi masalah.

Katanya semuanya terserah kepada SPR untuk mengadakan atau tidak pilihan raya kecil tetapi berdasarkan pindaan perlembagaan negara, pilihan raya kecil boleh tidak diadakan jika kerusi dikosongkan dua tahun atau kurang daripada tempoh pilihan raya akan datang

"Bagaimanapun, semuanya terserah kepada SPR dan BN negeri serta kerajaan negeri sememangnya telah bersedia untuk menghadapi pilihan raya kecil jika SPR mahu mengadakan pilihan raya kecil. Jentera pilihan raya kita memang telah digerakkan," katanya selepas pengebumian jenazah Mohamad Padil di kawasan Perkuburan Lintang, Kampung Sungai Durian, Lintang, dekat sini hari ini.

Mohamad Padil yang juga Ketua Umno Bahagian Sungai Siput meninggal dunia kira-kira pukul 12.50 tengah hari semalam di Hospital Selayang, Kuala Lumpur kerana barah hati dan jenazahnya selamat dikebumikan kira-kira pukul 12.45 tengah hari tadi.

Tajol Rosli berkata berikutan kekosongan DUN Lintang yang terletak dalam Parlimen Sungai Siput, beliau akan meminta Anggota Parlimen Sungai Siput yang juga Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu dan Exco kerajaan negeri, Datuk Chang Ko Youn yang juga ADUN Jalong, satu lagi kawasan DUN dalam Parlimen Sungai Siput, supaya memberi tumpuan terhadap Lintang.

"Datuk Seri Samy dan Datuk Chang akan menjaga kawasan Lintang untuk sementara supaya kepentingan penduduk kawasan Lintang tidak terjejas berikutan kematian ADUN mereka. Selain itu saya juga akan meminta Umno Bahagian Sungai Siput supaya turut memberikan perhatian terhadap kawasan Lintang.

"Kematian Datuk Padil adalah satu kehilangan kepada penduduk Lintang yang telah dijaga dengan baik oleh Datuk Padil. Allahyarham juga tidak pernah menimbulkan masalah kepada kerajaan negeri," katanya.

Mengenai kekosongan jawatan Ketua Umno Bahagian Sungai Siput, Tajol yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata Timbalan Ketua Bahagian, Datuk Zazlan Mohd Jemin akan memangku sementara jawatan Ketua Umno Bahagian.

"Mesyuarat Umno negeri yang akan datang, akan membincangkan perkara ini dan membuat keputusan mengenai kekosongan jawatan Ketua Umno Bahagian Sungai Siput.

"Saya akan berbincang dengan Presiden Umno (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Timbalan Presiden (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) mengenai soal pemangku Ketua Bahagian," katanya.

Pada sebelah pagi, Tajol Rosli dan isteri, Datin Seri Kamariah Mokhri mengiringi Sultan Perak Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri Tuanku Bainun menziarahi keluarga Mohamad Padil dan jenazahnya di rumahnya di pekan Sungai Siput.

Turut berada di rumah Mohamad Padil ialah Samy Vellu yang berada sejak pukul 8 pagi serta saudara mara, sahabat handai dan orang ramai.

-- BERNAMA  
KAY LAT